

25/10/1999

Strategi mencergaskan semula ekonomi diutama

Saidon Idris

JUMAAT ini rakyat sekali lagi tertumpu kepada ucapan Belanjawan yang akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat.

Ucapan Belanjawan 2000 itu begitu menarik perhatian umum kerana:

Pertama, ia adalah Belanjawan pertama bagi alaf baru dan kedua, ramai yang menyifatkan Belanjawan kali ini adalah "manifesto" Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya. Ramai yang menjangka Belanjawan tahun depan itu akan memberi banyak durian runtuh kepada rakyat.

Bagaimanapun, kepada penganalisis ekonomi, tumpuan tentunya kepada strategi Belanjawan itu terutama dalam meneruskan kejayaan Belanjawan tahun lalu dalam memulihkan ekonomi.

Jika diimbas kembali, tidak dapat dinafikan strategi Belanjawan 1999 sudah berjaya mencapai matlamatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan ucapan Belanjawan 1999, menggariskan lima strategi yang menjadi tunjang Belanjawan itu.

Lima strategi itu ialah mencergaskan kegiatan ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai ringgit, memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara, menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta, mengukuhkan lagi kedudukan imbangan pembayaran dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Strategi itu dibuat berdasarkan kepada tinjauan prestasi ekonomi dan risiko yang dijangka muncul tahun ini serta cabaran yang perlu ditangani.

Berikutan itu pelbagai langkah dan galakan digariskan dalam Belanjawan yang terakhir bagi abad ke-20 ini.

Oleh kerana Belanjawan itu dibentangkan dalam keadaan ekonomi yang menguncup, maka tumpuan utamanya adalah untuk mencergaskan semula kegiatan ekonomi.

Ini dilakukan dengan mendorong pertumbuhan ekonomi melalui dorongan fiskal, mencergaskan semula kegiatan perniagaan dan meningkatkan kecekapan sektor awam dan kerjasama dengan sektor swasta.

Sehubungan itu, dengan peruntukan RM65.095 bilion, Belanjawan 1999 meneruskan Belanjawan defisit sebagaimana di dalam Belanjawan 1998 iaitu yang kedua selepas kedudukan lebih Belanjawan yang dicatatkan selama lima tahun berturut-turut sejak 1993.

Malah, defisit itu adalah lebih besar iaitu 6 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding 3.7 peratus pada Belanjawan 1998.

Daripada jumlah peruntukan itu, RM47.042 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus manakala RM18.053 bilion lagi adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Bagi Perbelanjaan Pembangunan itu, keutamaan diberi kepada projek yang boleh menjana aktiviti ekonomi negara dan yang dapat meningkatkan kecekapan serta daya saing tanpa menyebabkan pengaliran keluar rizab negara.

Pembangunan prasarana diberikan keutamaan selaras dengan objektif merangsang semula ekonomi negara.

Projek prasarana yang diswastakan diberi keutamaan menerusi dana prasarana termasuk projek rel, pelabuhan, lebuhraya, Putrajaya, Cyberjaya dan kemudahan awam seperti pembedaan, pengurusan sisa pepejal dan bekalan air.

Dalam Belanjawan 1999 itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi projek prasarana lain meliputi jalan raya dan jambatan, kereta api, pelabuhan dan penerbangan awam dengan peruntukan RM4.042 bilion.

Di samping itu pelbagai galakan lain turut diberikan dalam Belanjawan itu bagi mencergaskan semula kegiatan perniagaan dan menggalakkan eksport.

Ini termasuk memberi pengecualian cukai sebanyak 70 peratus pendapatan berkanun daripada nilai peningkatan jualan eksport kepada syarikat yang diluluskan taraf sebagai 'Syarikat Perdagangan Antarabangsa'.

Memberikan pengecualian cukai stem surat cara bagi pembiayaan semula pinjaman untuk tujuan perniagaan dan pengecualian cukai pendapatan bagi pendapatan faedah yang diperolehi oleh unit amanah.

Kerajaan juga memansuhkan duti eksais bagi peti sejuk, televisyen dan alat hawa dingin bagi membolehkan industri tempatan bersaing dengan pengeluar dari negara Asean terutama apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan.

Bagi membaiki akaun semasa imbalan pembayaran negara pula, Belanjawan 1999 menetapkan bahawa beberapa usaha akan dilaksanakan.

Ini termasuk menggalakkan eksport barangan terutama keluaran perkilangan serta mengurangkan import, meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan negara dalam mengeksport dan mengganti pengimportan khidmat dagang dan meningkatkan promosi Malaysia di luar negara.

Selain itu, sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan industri perkapalan serta menambahkan tanan (tonnage) 'kapal Malaysia', pendapatan fret daripada sewaan masa (time charter) dan carter perjalanan (voyage charter) dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Sejumlah RM143 juta pula diperuntukkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) bagi kegiatan promosi dan misi galakan pelaburan dan perdagangan ke luar negara.

Dalam membangunkan sektor pelancongan dalam negeri pula, pendapatan syarikat pelancongan hasil daripada pengendalian pakej pelancongan dalam negara yang membabitkan sekurang-kurangnya 1,200 pelancong tempatan setahun dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Kini, setelah hampir 10 bulan pelaksanaan semua langkah dan galakan yang digariskan dalam Belanjawan 1999 itu, hasilnya sudah terserlah terutamanya dalam memulihkan ekonomi.

Ini ditunjukkan menerusi pengukuhan beberapa petunjuk utama ekonomi terutama pada suku tahunan kedua tahun ini.

Ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan positif 4.1 peratus dalam tempoh itu, sekali gus menamatkan kemelesetan yang dialami selama lima suku tahun berturut yang berpunca daripada krisis kewangan yang melanda rantau Asia Timur.

Berikutan pertumbuhan positif pada suku tahunan kedua itu, ekonomi negara secara keseluruhannya mencatatkan pertumbuhan positif 1.4 peratus bagi tempoh separuh pertama tahun ini berbanding penguncupan 4.2 peratus pada separuh pertama 1998.

Pertumbuhan memberangsangkan pada suku kedua itu dijana oleh permintaan eksport yang kukuh, terutama dalam sektor pembuatan serta pemulihan permintaan dalam negara.

Pencapaian itu adalah selaras dengan strategi kerajaan dalam Belanjawan 1999 dalam mempercepatkan pengeluaran dana bagi projek di bawah pakej rangsangan ekonomi.

Bagaimanapun, apa yang lebih memberangsangkan ialah pertumbuhan itu disokong oleh pengukuhan berterusan dalam asas ekonomi termasuk inflasi rendah dan kedudukan pasaran buruh yang bertambah baik.

Kadar inflasi yang ditunjukkan Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada tahap agak sederhana iaitu 2.7 peratus pada suku kedua berbanding empat peratus pada suku pertama dan 5.7 peratus pada suku kedua tahun lalu.

Selaras dengan strategi menggalakkan eksport, prestasi perdagangan negara juga terus menggalakkan.

Eksport kasar dalam dolar Amerika (\$AS) bagi tempoh separuh kedua tahun ini meningkat dengan kukuh sebanyak 15.6 peratus berikutan prestasi yang kukuh eksport barangan perkilangan.

Berikutan itu, rizab luar negara terus mengukuh, manakala kedudukan hutang luar, terutama hutang jangka pendek, semakin menurun.

Sejak 1 September tahun lalu, rizab luar negara meningkat AS\$11.7 bilion (RM44.46 bilion), kepada AS\$31.9 bilion (RM121.22 bilion) sehingga 14 Ogos lalu, cukup bagi menampung kira-kira 6.9 bulan import tertanggung.

Rezasab luar negara pada Jun 1997 adalah AS\$26.7 bilion (RM101.46 bilion), iaitu hanya cukup untuk menampung import tertanggung sebanyak 4.3 bulan.

Sehubungan itu, hutang luar jangka pendek yang kini berjumlah AS\$7.6 bilion (RM29 bilion) hanya merangkumi kira-kira 24.5 peratus daripada rizab luar negara.

Hutang luar jangka pendek yang rendah berbanding rizab luar itu menandakan ekonomi negara mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap sebarang pengaliran keluar dana jangka pendek dan ini bertepatan dengan strategi Belanjawan 1999 yang mahu memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara.

Sentimen pasaran juga menjadi semakin baik. Ini ditunjukkan oleh kegiatan pasaran modal yang lebih tinggi, pertumbuhan pinjaman berterusan, pertambahan urus niaga hartanah dan peningkatan dalam penggunaan swasta.

Dalam pasaran saham, jumlah urusniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meningkat empat kali ganda kepada 31.6 juta unit bernilai RM62.3 bilion daripada 7.5 bilion unit bernilai hanya RM16.7 bilion.

Indeks Komposit (IK) dan permodalan pasaran di BSKL turut meningkat dengan ketara dalam suku tahun kedua tahun ini dengan masing-masing meningkat 61.3 peratus dan 67 peratus.

Hasil daripada pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan kerajaan di samping dasar kewangan yang longgar, penggunaan swasta dalam tempoh itu mencatatkan pengembangan sebanyak tiga peratus berbanding penguncupan 4.1 peratus.

Pemulihan dalam ekonomi serta sentimen pasaran yang bertambah baik itu merangsang aktiviti perbankan.

Jumlah deposit dalam sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM4.5 bilion atau pertumbuhan sebanyak 1.0 peratus manakala jumlah pinjaman pula meningkat 0.4 peratus berbanding penguncupan sebanyak 0.2 peratus pada suku tahunan pertama.

Pencapaian pertumbuhan ekonomi memberangsangkan dalam separuh pertama tahun ini diramalkan berterusan pada separuh kedua malah ia dijangka lebih baik.

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dalam laporan Tinjauan Ekonomi Malaysia bagi suku tahunan ketiga meramalkan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 5.8 peratus dalam separuh kedua.

Berikutan itu, MIER menjangka ekonomi Malaysia bagi seluruh tahun ini pula akan berkembang sebanyak 3.6 peratus.

Berdasarkan kepada semua angka yang positif itu, ucapan syabas sudah tentunya perlu diberikan kepada mereka yang bertanggungjawab merangka Belanjawan 1999.

Ini kerana belanjawan itu berjaya mencapai sebahagian besar matlamatnya sekali gus mengembalikan semula kesejahteraan rakyat yang terjejas berikutan krisis kewangan.

(END)